

SOALAN NO. 52**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]****TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)****SOALAN:**

YB Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelan tindakan mitigasi dan adaptasi bagi mengatasi bencana banjir akan diperhalusi dan dirangka bagi melancarkan prosedur operasi standard (SOP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menangani bencana banjir pada masa hadapan kelak.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan dari kejadian banjir di Kuantan, Pahang dan Kemaman, Terengganu semasa musim tengkujuh 2013-2014, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat bertarikh 3 Januari 2014 telah mengarahkan supaya Pengendalian Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana banjir disemak serta ditambah baik dengan mengambil kira pengendalian banjir dalam situasi ekstrem.

PTO yang telah disemak semula ini menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan pada setiap peringkat, antaranya adalah penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat daerah dan negeri. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri yang masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian dalam pengurusan bencana. Persediaan menghadapi bencana tersebut hendaklah diperinci dan didokumentasikan di dalam satu pelan tindakan supaya setiap petugas mengetahui dan boleh merancang dengan lebih berkesan tindakan-tindakan perlu pada peringkat sebelum dan semasa bencana berlaku.

Selain memperincikan peranan agensi-agensi sewaktu fasa tindak balas, PTO tersebut juga turut telah mengambil kira pengurusan perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi dan jawatankuasa berkaitan

pada setiap fasa pengurusan bencana secara holistik yang meliputi fasa sebelum (Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana), fasa semasa (Tindak Balas Bencana) dan fasa selepas (Pemulihan Pasca Bencana).

Bagi perancangan dan pelaksanaan program mitigasi dan adaptasi bencana banjir, agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan Jabatan Kerja Raya akan bertanggungjawab untuk meneliti dan memperincikan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi mengurangkan kesan bencana di kawasan-kawasan berisiko.

Sekian. Terima kasih.